


# Sesi 2: Asas Penulisan Jawi اساس ڤنوليسن جاوي

ڤروف. مديا د. ادي يسران بن عبد العزيز
adi@upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

# Pengenalan



- Tulisan Jawi ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri seperti sistem tulisan bahasa Arab.
- Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi, tetapi perubahan bentuk huruf akan berlaku bagi beberapa huruf tertentu apabila dirangkaikan dengan huruf yang lain dalam penulisan sesuatu perkataan.
- Abjad Jawi bahasa Melayu mengandungi 37 huruf bentuk tunggal yang tersusun seperti yang berikut:

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| د | خ | ح | چ | ج | ث | ة | ت | ب | ا |
| دال | خاء | حاء | چا | جيم | ثاء | تاء مربوطة | تاء | باء | اليف |
| dal | kha | ha | ca | jim | sa (tha) | ta marbutah | ta | ba | alif |
| ع | ظ | ط | ض | ص | ش | س | ز | ر | ذ |
| عين | ظاء | طاء | ضاد | صاد | شين | سين | زاي | راء | ذال |
| ain | za | ta | dad | sad | syin | sin | zai | ra | zal |
| ن | م | ل | ݢ | ک | ق | ڤ | ف | ڠ | غ |
| نون | ميم | لام | ݢا | کاف | قاف | ڤا | فاء | ڠا | غين |
| nun | mim | lam | ga | kaf | qaf | pa | fa | nga | ghain |
| | | | ڽ | ى | ي | ء | ه | ۏ | و |
| | | | ڽا | يى | ياء | همزة | هاء | ۏا | واو |
| | | | nya | ye | ya | hamzah | ha | va | wau |

# Padanan Huruf



| Bil. | Huruf Rumi | Huruf Jawi | Nama Huruf | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| 1 | a, e pepet di awal kata | ا | alif | بارا، امس |
| 2 | b | ب | ba | بارو |
| 3 | t | ت | ta | تانم |
| 4 | t/h | ة | ta marbutah | صلاة |
| 5 | s, (th) | ث | sa [tha] | ثلاث |
| 6 | j | ج | jim | جمبو |
| 7 | h, (ḥ) | ح | ha [ha] | حديث |
| 8 | kh | خ | kha [khO] | خميس |
| 9 | d | د | dal | داتا |
| 10 | z, (dh) | ذ | zal [dhal] | ذيكير |

# Padanan Huruf



| Bil. | Huruf Rumi | Huruf Jawi | Nama Huruf | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| 11 | r | ر | ra [rO] | راج |
| 12 | z | ز | zai | زمان |
| 13 | s | س | sin | ساكو |
| 14 | sy, (sh) | ش | syin | شريكت |
| 15 | s, (ṣ) | ص | sad [sOd] | صبح |
| 16 | d, (ḍ) | ض | dad [dOd] | ضرب |
| 17 | t, (ṭ) | ط | ta [tO] | طاعة |
| 18 | z, (ẓ) | ظ | za [zO] | ظاليم |
| 19 | a, k, (ʻ) | ع | ain [ʕain] | عسكر، ورع |

# Padanan Huruf



| Bil. | Huruf Rumi | Huruf Jawi | Nama Huruf | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| 20 | gh | غ | ghain | غاءيب |
| 21 | f | ف | fa | فيكير |
| 22 | k, q | ق | qaf | انق، قوات |
| 23 | k | ک | kaf | کارت |
| 24 | l | ل | lam | ليقس |
| 25 | m | م | mim | ماكن |
| 26 | n | ن | nun | ننتي |
| 27 | w, o, u | و | wau | واريث، بوتول، تروووڠ |
| 28 | h | ه | ha | هنتو |

# Padanan Huruf



| Bil. | Huruf Rumi | Huruf Jawi | Nama Huruf | Contoh |
|---|---|---|---|---|
| 29 | awal: gugur<br>akhir: k, (‘) | ء | hamzah | اخلاص، عشاء |
| 30 | y, i, e taling | ي | ya | يقين، ساتي |
| 31 | e pepet / a di akhir kata | ى | ye [yə] / alif maqsurah | تنتى، تقوى |
| 32 | c | چ | ca | چاون |
| 33 | ng | ڠ | nga | ڠاڠا |
| 34 | p | ڤ | pa | ڤارڠ |
| 35 | g | ݢ | ga | ݢالي |
| 36 | v | ۏ | va | ۏيسا |
| 37 | ny | ڽ | nya | ڽيور |

# Penyambungan Huruf Jawi

| | |
|---|---|
| Kelompok A: | B + ا ة د ذ ر ز و ۏ — |
| Kelompok B: | B+ ب ت ث ج چ ح خ س ش ص ض<br>ط ظ ع غ ڠ ف ڤ ق ک ڬ ل م ن ه<br>ي ى ڽ + A/B |
| Kelompok C: | — ء — |

# Penyambungan Huruf Jawi



- Apabila sesuatu perkataan yang terbina itu menggunakan huruf-huruf dalam Kelompok A sahaja, huruf-huruf tersebut tidak berubah bentuknya kerana tidak dapat dirangkaikan antara satu dengan yang lain.
- Apabila mengeja perkataan, huruf-huruf dalam Kelompok A tidak boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kelompok B atau Kelompok C yang ada selepasnya, tetapi boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kelompok B yang ada sebelumnya.

# Penyambungan Huruf Jawi



- Apabila sesuatu perkataan yang terbina itu menggunakan huruf-huruf dalam Kelompok B sahaja, huruf-huruf tersebut berubah bentuknya kerana dirangkaikan antara satu dengan yang lain.
- Apabila mengeja perkataan, huruf-huruf dalam Kelompok B berubah bentuknya kerana dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kelompok A yang ada selepasnya, tetapi tidak boleh dirangkaikan dengan mana-mana huruf dalam Kelompok A yang ada sebelumnya.
- Bagi memudahkan pelajar memahami cara penyambungan huruf ini, berbagai kaedah diperkenalkan, termasuklah DZOUWRA VE.

# SIFIR DZOUWRA VE

## Huruf Tunggal dan Huruf Perangkai

| | b | c | e | f | g | h | i | j | k | k |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tunggal** | ب | چ | ي | ف | ݢ | ه | ي | ج | ق | ک |
| **Perangkai** | بـ | چـ | يـ | فـ | ݢـ | هـ | يـ | جـ | قـ | کـ |

| | l | m | n | p | s | t | y | ng | ny | sy |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Tunggal** | ل | م | ن | ڤ | س | ت | ي | ڠ | ث | ش |
| **Perangkai** | لـ | مـ | نـ | ڤـ | سـ | تـ | يـ | ڠـ | ڽـ | شـ |

## Huruf Pemutus

| | | d | z | o | u | w | r | a | v | e |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| X | **Pemutus** | د | ز | و | و | و | ر | ا | ۏ | ا |

USTAZ SABRI AZIT | *MUNSYI DEWAN (JAWI) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA*

# Kedudukan Huruf dan Titik



- Huruf Jawi di atas garisan

ا ب ت ث د ذ ط ظ ف ڤ ک ڬ ه ة ء

- Huruf Jawi di tengah garisan

ج چ ح خ ر ز س ش ص ض ع غ ڠ ق ل م ن و ۏ ي ى ڽ

- Huruf Jawi bersambung dan kedudukan titik

ببب تتت ثثث ظذذ ففف ڤڤڤ كة ججج چچچ خخخ سزز شش

ضض غغغ ڠڠڠ ققق ننن ييي پپڽ

# Bentuk dan Cara Penulisan Huruf Hamzah



- Huruf *hamzah* ditulis pada kedudukan separas dengan huruf lain sebagai pemisah antara dua bunyi vokal, iaitu [ai], [au], [ui], [oi], [ué] dan [ue] dalam dua suku kata yang berasingan. Contohnya:

| Ejaan Jawi | Padanan Rumi |
| --- | --- |
| كوءيني | kuini |
| ڤوءيسي | puisi |
| كونستيتوءن | konstituen |
| كونسيكوءن | konsekuen |
| فريكوءنسي | frekuensi |

# Bentuk dan Cara Penulisan Huruf Hamzah



- Huruf *hamzah* di tengah atau di akhir kata ditulis seperti kedudukannya dalam bahasa Arab bagi istilah keislaman. Contohnya:

| Ejaan Jawi | Padanan Rumi |
|---|---|
| دار الأخرة | darulakhirat |
| مؤذن | muazin |
| مؤمن | Mukmin |
| قارئة | qariah |

# Bentuk dan Cara Penulisan Huruf Hamzah



- Lazimnya, semua kata dasar serapan Arab yang bermula dengan huruf *alif* tidak diletakkan huruf *hamzah* baik di atas mahupun di bawahnya kecuali perkataan *Islam* إسلام dan ungkapan Arab *insya-Allah* إن شاء اللّٰه.
- Oleh itu, apabila kata dasar tersebut menerima awalan, maka kata tersebut dieja mengikut kaedah ejaan kata Melayu jati. Contohnya *beriman* برايمان, *keimanan* كأيمانن, dan *mengimani* مڠيماني.

# Bentuk dan Cara Penulisan Huruf Hamzah



- Huruf hamzah tanpa "rumah" pada kata serapan daripada bahasa Arab hendaklah pada kedudukan separas dengan huruf lain. Contohnya:

| Ejaan Jawi | Padanan Rumi |
|---|---|
| داءيره | daerah |
| فاءيده | faedah |
| سوءال | soal |
| وباء | wabak |
| مندعاءكن | mendoakan |
| مڠعلماءكن | mengulamakan |

# Bentuk dan Cara Penulisan Huruf Hamzah



- Huruf *hamzah* yang berada di atas atau di bawah huruf *alif* digunakan untuk mengeja nama huruf ‘e’, kata nama khas dan membezakan pasangan homograf. Contohnya:

| Ejaan Jawi | Padanan Rumi |
|---|---|
| إي | ‘e’ (nama huruf) |
| إي-ميل | e-mel |
| إي-داڬڠ | e-dagang |

# Bentuk dan Cara Penulisan Huruf Hamzah



| Ejaan Jawi | Padanan Rumi | Pasangan homograf | Padanan Rumi |
|---|---|---|---|
| إيه | eh! | ايه | ayah |
| إين | *Inn* | اين | ini |
| أڠ | Ang | اڠ | Ng |
| أوڠ | Ong | اوڠ | Awang |

# Kesimpulan



- Pengguna tulisan Jawi perlu menguasai asas dan peraturan penulisan Jawi terlebih dahulu sebelum dapat menguasai sistem ejaannya.
- Perhatian perlu diberikan kepada padanan huruf, terutama huruf yang mempunyai banyak padanannya sama ada dalam Rumi atau Jawi.

و اللَّه أعلم. سكيان.

تريما كاسيه

تريما كاسيه

تريما كاسيه

تريما كاسيه

تريما كاسيه

# Latihan

https://forms.gle/fcSCAp5nKLg82VfS6